

## Perbandingan Ragam Kunjungan Segmen Pelancong Pelajar, Belia dan Keluarga ke Bandar Diraja Kuala Kangsar Berdasarkan *Royalscape* Diraja

### *Comparison of Student, Youth and Family Tourist Segment Visits to the Royal Town of Kuala Kangsar Based on the Royalscape Royal*

ZURINA AHMAD SAIDI, ZURINAH TAHIR\*, JALALUDIN ABDUL MALEK & MOHD YUSZAIDY MOHD YUSOFF

#### ABSTRAK

*Bandar Diraja kaya dengan sejarah warisan tersendiri. Destinasi bandar Diraja yang menerapkan nilai estetika dan sejarah lama telah menawarkan produk pelancongan kepada penggemar nilai bandar Diraja atau dikenali sebagai heritage tourist. Pelancongan di bandar Diraja di Malaysia dilihat kurang dipromosikan di media sosial, dan media elektronik. Malah, bandar-bandar Diraja juga kurang ditonjolkan daripada aspek takrifan dan nilai warisan yang terdapat di bandar tersebut. Konsep bandar Diraja yang unik, diwarisi dan mengetengahkan elemen Diraja kurang didokumentasikan dan tidak direkodkan menyebabkan peranan bandar Diraja sebagai salah satu tarikan pelancongan di Malaysia turut ketinggalan. Oleh itu, perbezaan dari segi ragam pelancong juga tidak dapat dikenal pasti dan ditonjolkan sepanjang pelancong berkunjung ke destinasi warisan terpilih. Makalah ini bertujuan untuk mengkaji perbandingan royalscape berdasarkan segmen pelancong pelajar, belia dan keluarga dari segi ragam kunjungan ke Kuala Kangsar. Teknik pensampelan rawak digunakan dengan edaran borang soal selidik kepada 500 responden yang terdiri daripada pelancong pelajar, belia dan keluarga menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi Anova Satu Hala. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbandingan dalam kunjungan segmen pelancong yang berkunjung ke bandar Diraja Kuala Kangsar. Ketujuh-tujuh royalscape dalam kajian ini dikunjungi oleh semua segmen pelancong. Seterusnya terdapat perbezaan dalam ragam kunjungan oleh ketiga-tiga segmen pelancong. Kesimpulan, makalah ini menunjukkan perbandingan ragam kunjungan oleh pelancong berdasarkan segmen. Kajian ini mempunyai had terhad kepada melihat perbandingan berdasarkan segmen pelancong domestik sahaja serta tidak menekankan ragam kunjungan pelancong antarabangsa. Walau bagaimanapun, penemuan kajian ini memberi ruang kepada kajian lanjutan dengan melihat ragam pelancong antarabangsa terhadap kunjungan ke bandar Diraja.*

*Kata Kunci: Ragam kunjungan; Pelancongan bandar Diraja; pelancong domestik; pelajar; belia; keluarga; bandar Diraja Kuala Kangsar; perbandingan*

#### ABSTRACT

*The Royal Town is rich in its own heritage history. Royal Town destinations that apply aesthetic values and long history have offered tourism products to fans of Royal Town values or known as tourist heritage. Tourism in the Royal Town in Malaysia is seen to be under -promoted on social media and electronic media. In fact, the Royal Town are also less prominent from the aspect of definition and heritage value found in the town. The concept of the Royal Town is unique, inherited and highlights the Royal elements are poorly documented and not recorded causing the role of the Royal Town as one of the tourist attractions in Malaysia is also left behind. Therefore, differences in terms of tourist patterns also cannot be identified and highlighted as long as tourists visit selected heritage destinations. This paper aims to examine the comparison of royalscape based on the segments of student, youth and family tourists in terms of the variety of visits to Kuala Kangsar. Convenience sampling technique was used by distributing questionnaires to 500 respondents consisting of student tourists, youth and families using descriptive analysis and One -Way Anova inferential analysis. The results show that there is a comparison in the visits of the tourist segment who visit the Royal Town of Kuala Kangsar. The seven royalscape in this study were visited by all tourist segments, Next there were differences in the manner of visits by the three tourist segments. In conclusion, this paper shows a comparison of the variety of visits by tourists based on segments. This study has limited limitations to look at comparisons based on the domestic tourist segment only and does not emphasize the variety of international tourist visits. However, the findings of this study provide space for further study by looking at the variety of international tourists in particular.*

*Keywords: Variety of visits; Royal Town tourism; domestic tourists; student; youth; family; the Royal Town of Kuala Kangsar; comparison*

## PENGENALAN

Bandar Diraja dikenali sebagai sebuah bandar yang mempunyai nilai yang tinggi dari segi tamadun sejarah, budaya dan nilai ketimuran (Dumbrovska & Fialova 2016; Adam 2016; Dishan et al. 2010). Bandar Diraja seluruh dunia menjadi satu tarikan pelancongan dan semakin popular kerana sifat bandar warisan ini yang mempunyai sejarah kegemilangan dan aset-aset tinggalan sejarah yang menjadi lambang utama (Adie et al. 2019; Dumbrovska & Fialova 2016). Sebuah bandar Diraja mempunyai sifat, elemen, aspek dan identiti unik yang akhirnya membangunkan nilai-nilai estetika bandar Diraja. Kesemua elemen-elemen ini tidak dapat dimiliki di bandar-bandar lain dengan karakter-karakter unik Diraja ini. Kini, bandar Diraja dilihat menjadi salah satu tarikan utama kepada kunjungan pelancong ke bandar ini. Hasilnya adalah dengan membangunkan kapasiti dan potensi bandar Diraja sebagai salah satu produk pelancongan. Di Malaysia, bandar Diraja merupakan warisan unik yang menjadi lambang sebagai sebuah negara berdaulat. Bandar Diraja di Malaysia adalah contoh terbaik sebagai lambang bandar Melayu tradisional (Samsudin et al. 2018). Ia dikaitkan dengan sejarah Kesultanan Melayu di Malaysia. Bandar Diraja di Malaysia bukan sahaja dilihat menerusi sifat-sifat fizikalnya, malah dilihat secara menyeluruh seperti bangunan, landskap, corak serta daya tarikan-tarikan lain. Hal ini adalah untuk memastikan bandar Diraja bersejarah dan unik serta tidak ternilai menjadi identiti kepada tempat tersebut. Kini, kesemua bandar Diraja di Malaysia telah menjadi produk pelancongan utama yang ditawarkan dalam memelihara dan memulihara salasilah Kesultanan Melayu (Adam 2016). Sebilangan daripada warisan bandar Diraja dipulihara sebagai usaha kerajaan dalam memelihara pelancongan bandar Diraja. Ini dibuktikan dengan lebih daripada 60 monumen dan 25 tempat bersejarah telah dibangunkan sebagai destinasi tarikan pelancong (Jabatan Warisan Negara 2020). Kini, peningkatan tarikan warisan yang terdapat di dalam bandar Diraja akhirnya dilihat sebagai produk dan yang berpotensi untuk menarik minat pelancong ke di Bandar Diraja.

Kuala Kangsar merupakan salah satu bandar Diraja terawal yang berada di Tanah Melayu. Bandar Diraja Kuala Kangsar dikenali dengan keunikan seni bina lama, imej dan identiti Diraja, kaya dengan

budaya warisan lama dan mempunyai kepentingan keaslian Diraja yang lain dari yang lain. Terdapat pelbagai elemen yang mempengaruhi persekitaran bandar Diraja Kuala Kangsar. Antaranya adalah seni bina istana, kota-kota lama bersejarah, landskap, tapak-tapak suci, muzium, galeri dan arkib, kawasan kediaman pembesar dan bangunan-bangunan kedai lama yang unik dan mempunyai sejarah tersendiri. Bandar Diraja Kuala Kangsar merupakan salah satu produk pelancongan bandar Diraja kerana ia merupakan satu institusi yang menarik dan unik. Terdapat pelbagai koleksi, pameran dan bangunan untuk kemudahan pelancong. Begitu juga dengan program-program yang diketengahkan untuk memberi pengalaman baharu kepada pelancong. Potensi bandar Diraja sebagai produk pelancongan adalah tinggi kerana faktor budaya, kesenian, warisan dan aktiviti kesenian dicatatkan sebagai di antara lima faktor utama yang menarik aktiviti pelancongan (Dishan et al. 2010).

Pelancong domestik merupakan pelancong dominan di dalam industri pelancongan di Malaysia. Latham & Edwards (2003) menunjukkan skala jumlah kehadiran pelancong domestik meningkat melebihi pelancong antarabangsa dengan 10 kali lebih tinggi di sesuatu destinasi pelancongan. Kajian-kajian lepas memberi pendefinisian kepada segmen pelancong dan pola kunjungan pelancong. Antara jenis pelancong di Malaysia adalah berbentuk pelancong keluarga, pelancong aktif, pelancong pasif, pelancong belia. Pelancong keluarga merupakan pelancong terbesar kunjungan percutian di seluruh pelosok dunia (Schanzel et al. 2014). Menurut Obrador (2012), pelancong keluarga merupakan kumpulan pelancong yang terbesar dan berterusan. Dilihat dari sudut mana sekalipun, pelancong domestik merupakan asas paling utama dalam perkembangan pelancongan di Malaysia. Dari konteks bandar Diraja, perihal pelancong domestik wajar diambil perhatian. Dalam mendalami definisi pelancongan bandar Diraja, aspek pelancong perlu diambil kira kerana pelancong merupakan pengunjung utama Bandar Diraja. Lanjutan daripada itu, timbul persoalan tentang adakah terdapat perbezaan terhadap ketiga-tiga segmen pelancong domestik di bandar Diraja Kuala Kangsar? Adakah bandar Diraja Kuala Kangsar memberikan perlambangan yang bertepatan dengan ragam pelancong domestik mengikut segmen pelancong sewaktu berkunjung?

## KUNJUNGAN SEGMENT PELANCONG KE BANDAR DIRAJA

Bandar Diraja bukan sahaja dilihat kepada latar, imej bandar, landskap, mahupun monumen-monumen tinggalan sejarah terdahulu sahaja tetapi secara menyeluruh. Ia bukan dinilai melalui bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah, agama mahupun nilai estetika. Namun ia dilihat secara keseluruhannya dan terpelihara. Imej utama bandar Diraja adalah gambaran jika destinasi Diraja tersebut disediakan dengan infrastruktur pelancongan yang baik disertakan dengan ‘*alive Royal Town tourism*’. Pelancongan bandar Diraja memberi reaksi pelbagai daripada pelancong. Ia memberi impak kepada industri pelancongan terhadap sosial, ekonomi dan persekitaran fizikal. Oleh hal yang demikian, sekiranya imej bandar Diraja sebagai produk pelancongan dibangunkan secara kolektif dan dirancang serta dilaksanakan, ia memberi kesan positif kepada banyak aspek. Karakter atau ciri-ciri bandar mempengaruhi identiti mahupun imej sesebuah bandar. Antara karakter sesebuah bandar adalah dari aspek bentuk, warna, susunan binaan yang dapat mewujudkan imej yang jelas terhadap persekitaran sesuatu bandar. Oleh itu, karakter yang menjelaskan sesebuah bandar memainkan peranan penting dalam menghasilkan imej bandar yang bersesuaian dan menarik (Abankina 2013; Jokilehto 2011). Bandar Diraja menjelaskan kepelbagaian aktiviti sosial yang dijalankan pada masa dahulu dan berkekalan sehingga sekarang. Hal ini disokong oleh Abankina (2013) yang menjelaskan terdapat aktiviti yang membantu mewujudkan sumber-sumber sosioekonomi di bandar. Perhatian utama adalah untuk merapatkan hubungan sosial dalam kalangan masyarakat. Ini membuktikan bahawa aktiviti sosial adalah penting dan berharga. Kepelbagaian produk pelancongan yang ditawarkan meningkatkan penawaran dan permintaan di kawasan tersebut. Mitsche et al. (2013) menekankan bahawa kunjungan utama pelancong akibat daripada tarikan-tarikan secara visual, kaedah persembahan yang jelas, perayaan kesenian dan tradisi serta monumen-monumen bersejarah yang dipamerkan kepada pelancong. Faktor-faktor yang mendorong pelancong untuk mengembangkan minat terhadap warisan dan seterusnya terlibat dalam aktiviti berkaitan warisan serta memahami warisan dengan baik adalah wajar diberi perhatian (Prentice dan Cunnell 1998). Ini disokong oleh Daengbuppha et al. (2006) menjelaskan bahawa terdapat banyak

faktor yang perlu dititikberatkan dan diteliti kerana terdapat keunikan tersendiri dan individu yang terlibat dalam warisan mendapat pengalaman unik. Oleh hal yang demikian, kunjungan pelancong ditentukan oleh penawaran produk, promosi secara besar-besaran oleh pihak berkepentingan (Mair dan Whitford 2013; Russo 2002; Crowther 2011; Boyd 2002), akses yang baik dari aspek pengangkutan dan infrastruktur perkhidmatan pengurusan serta pelancong sebagai segmen dalam kunjungan tersebut.

## ROYALScape DIRAJA SEBAGAI TARIKAN KEPADA KUNJUNGAN PELANCONG

Kajian ini telah menetapkan sebanyak tujuh *royalscape* Diraja yang menjadi asas perwakilan dalam memberi lambang kepada kunjungan pelancongan di bandar Diraja. *Royalscape* Diraja tersebut adalah *royalscape* fizikal, estetika, tapak warisan, budaya, interaksi sosial, pendidikan dan hiburan. *Royalscape* fizikal merujuk kepada aspek fizikal destinasi yang dilawati (Rasoolimanesh et al. 2019). Ia meliputi pembangunan fizikal destinasi, bangunan, landskap, ruang atur destinasi kunjungan yang menekankan aspek dan kewujudan watak bandar Diraja tersebut (Butler 2017; Samsudin et al. 2018; Azman et al. 2021). Menurut Badaruddin (2005); Azman et al. (2021), bahawa tarikan utama pelancong ke destinasi pelancongan tersebut adalah kerana penawaran fizikal, alam sekitar yang tidak terancam, kemudahan tempat rekreasi dan lain-lain aspek fizikal yang lain.

Dari aspek *royalscape* estetika menekankan terhadap aspek identiti sebenar sesebuah bandar Diraja (Poria et al. 2006; Muler et al. 2018). Imej estetika ini memberikan persepsi dan makna kepada kunjungan pelancong malah menggambarkan satu bentuk idea, kepercayaan dan pandangan kepada orang lain. Imej destinasi kunjungan merupakan pandangan pertama yang difikirkan oleh pelancong sewaktu berkunjung ke destinasi terbabit. Oleh itu, nilai estetika sangat penting dalam mempengaruhi keputusan kunjungan pelancong (McDonald 2010). Tarikan kunjungan pelancong seterusnya adalah dari aspek tapak warisan. Dalam kajian ini terdapat lima tapak warisan utama menjadi kunjungan pelancong iaitu Masjid Ubudiah, Istana Kenanga, Jambatan Victoria, Makam Diraja dan MCKK. Kelima-lima destinasi ini menjadi pendorong dalam kunjungan pelancong kerana terdapat elemen-elemen

pelancongan Diraja terhadap destinasi ini. Ini jelas dibuktikan oleh Sirisrisak (2015) menjelaskan pelancong berkunjung ke destinasi berpandukan kepada elemen pendorong tarikan kepada pelancong serta keinginan untuk menerokai pengalaman Diraja.

Seterusnya adalah *royalscape* budaya yang menjadi salah satu tarikan pelancong berkunjung ke bandar Diraja. Budaya merujuk kepada elemen kebudayaan dalam bentuk adat resam, nilai, sikap, norma dan budaya dalam sesebuah tempat (Hsu dan Huang 2015). Budaya mempengaruhi kunjungan pelancong kerana ia merangkumi nilai-nilai pegangan, cara hidup, kepercayaan dan simbolik kepada bandar Diraja. Di samping itu, terdapat kajian yang mengaitkan interaksi sosial sebagai salah satu tarikan kepada kunjungan pelancong seperti kajian Rasoolimanesh et al. (2019) menjelaskan interaksi sosial adalah asas kepada semua hubungan dan kumpulan dalam masyarakat. Ia merupakan satu proses individu bertindak ke arah individu yang lain atau memberi reaksi kepada individu yang lain. Pendidikan juga menjadi faktor pendorong kepada pelancong yang mempunyai matlamat pendidikan dalam kunjungan ke bandar Diraja (Jennings et al. 2010). Begitu juga dengan tuntutan hiburan sepanjang kunjungan menjadi daya penarik kepada pelancong. Ini kerana hiburan merupakan satu jenis pemasaran pelancongan dalam mempengaruhi kehadiran pelancong dan mempengaruhi imej destinasi yang dikunjungi (Gowreesunkar 2015).

#### PENYERTAAN SEGMENT PELANCONG DI BANDAR DIRAJA KUALA KANGSAR

Pelancong domestik dalam kajian ini terbahagi kepada tiga segmen iaitu pelajar, belia dan keluarga. Rasionalnya pengkaji memilih ketiga-tiga segmen ini kerana mereka mempunyai ilmu pengetahuan, memahami dan mengetahui tentang sejarah Tanah Melayu serta mengenali bandar Diraja. Pelancong pelajar kini perlu melibatkan diri secara aktif kepada pembangunan pendidikan di luar bilik darjah. Pembelajaran secara terus perlu di siap siaga dan dipertingkatkan dalam menghadapi realiti pendidikan yang lebih mencabar (Ahmad et al. 2010). Berdasarkan anggaran kunjungan pelancong pelajar secara purata melakukan 1 hingga 3 kali perjalanan pelancongan di mana-mana destinasi pelancongan yang terdapat di dunia (Tourism Research Circle 2010). Pelancong belia dianggap sebagai salah satu teras utama terhadap pembangunan pelancong di Malaysia dalam mencapai sasaran 36 million

pelancong pada tahun 2020 (Habibah et al. 2012). Pelancong belia mempunyai kapasiti tinggi dalam membangunkan konsep pelancongan Diraja sebagai destinasi kunjungan dengan tema Diraja. Dari aspek pelancong keluarga ditakrifkan sebagai satu unit keluarga yang disertai oleh keluarga asas (Wan Anor et al. 2014) yang melancong, beristirahat, mengisi masa lapang bersama-sama (Wang et al. 2000; Bengston 2001). Rasional memilih pelajar, belia dan keluarga sebagai segmen pelancong adalah kerana mereka merupakan penyumbang utama kunjungan ke bandar Diraja Kuala Kangsar serta trend melancong dalam kalangan ini menjadi semakin terarah ke arah bentuk pelancongan ini.

#### METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengenal pasti perbandingan *royalscape* Diraja dalam menentukan segmen pelancong yang mendominasi kunjungan ke bandar Diraja Kuala Kangsar. Seramai 500 responden terpilih yang terdiri daripada 104 pelancong pelajar, 239 pelancong belia dan 157 pelancong keluarga. Teknik pensampelan bertujuan digunakan di tiga lokasi yang berbeza iaitu di sekitar kawasan bangunan, kawasan lembah dan tapak pesta di bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan. Lokasi kajian dipilih kerana mempunyai peluang tinggi dalam mengedarkan soal selidik serta kerjasama yang baik diperoleh di lokasi ini. Selain itu, lokasi merupakan cadangan yang diberikan oleh Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan Jabatan Warisan Negara yang menyatakan lokasi ini adalah lokasi kunjungan pelancong ke Kuala Kangsar. Teknik pensampelan rawak ini digunakan kerana responden yang dikaji berselerak di seluruh kawasan pelancongan, pengkaji tidak bias dalam pemilihan responden dan pelancong mempunyai persamaan yang sama iaitu mereka berkunjung ke Kuala Kangsar. Kajian lapangan diadakan bermula Disember 2017 sehingga November 2017 bermula Isnin hingga Ahad dari jam 11 pagi hingga 7 petang, Pada hari Sabtu dan Ahad, edaran soal selidik bermula lebih awal kerana responden lebih ramai pada hari minggu.

Kajian berbentuk soal selidik memuatkan profil pelancong dan *royalscape* Diraja asas perwakilan pelancongan di Kuala Kangsar. Terdapat empat bahagian soalan mengikut ketetapan objektif. Jumlah item untuk bagi keseluruhan konstruk *royalscape* sebanyak 97 item. Oleh itu, anggaran menjawab bagi 1 set soal selidik mengambil

masa selama 10 minit. Data analisis dan diproses melibatkan analisis deskriptif (frekuensi dan peratusan) dan analisis inferensi (Anova Satu Hala). Analisis inferensi Anova satu hala dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti perbandingan segmen pelancong iaitu pelajar, belia dan keluarga dengan tujuh *royalscape*. Menurut Chua (2014) menjelaskan anova satu hala digunakan untuk membezakan skor min bagi sampel kajian dan lebih dari dua skor min dengan variabel bersandar merentasi beberapa kumpulan data skala nominal atau ordinal dalam variabel bebas. Berdasarkan Analysis of Variance (1990) menjelaskan IV bagi Anova adalah kumpulannya perlu lebih daripada 2 kategori. Hasil ujian normality, kesamaan varians dan levene statistik menunjukkan analisis anova dapat dilaksanakan. Pemprosesan data dilaksanakan dengan menggunakan sistem perisian *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 22.0*. Hasil Indeks Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha bagi semua konstruk berada di tahap tinggi iaitu 0.855 hingga 0.957.

#### HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Segmen pelancong iaitu pelajar, belia dan keluarga yang menjadi responden menjadi ukuran dalam menilai perbandingan setiap *royalscape* yang ditetapkan. Wajaran ketiga-tiga segmen ini diukur dengan menggunakan kaedah analisis anova satu hala kerana segmen ini merupakan kategori yang kerap melaksanakan lawatan, kunjungan dan melancong. Soalnya, wujud atau tidak perbezaan setiap *royalscape* mengikut segmen pelancong? Secara relatif, kajian ini melihat perbandingan *royalscape* berdasarkan segmen pelancong. Perbandingan ini bertujuan untuk melihat segmen pelancong manakah yang mendominasi ketujuh-tujuh *royalscape* Bandar Diraja.

#### DEMOGRAFI PELANCONG DOMESTIK

500 orang pelancong terdiri daripada pelancong domestik di pilih sepanjang pengedaran borang soal selidik dijalankan dengan 65.8% (329 orang) perempuan dan 34.2% (171 orang) lelaki. Majoriti pelancong dari etnik melayu yang berkunjung ke Kuala Kangsar iaitu sebanyak 88.6% (443 orang) diikuti etnik cina dan india adalah sebanyak 7.0% (35 orang) dan 4.4% (22 orang). Lebih 65% pelancong berstatus bujang diikuti pelancong berkeluarga sebanyak 28.6% (143 orang) serta yang

berstatus duda atau janda sebanyak 2.6% (13 orang). Dari segi pekerjaan, pelancong yang tidak bekerja sebanyak 51.2% (256 orang) kerana pelancong merupakan golongan pelajar dan belia yang masih belajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelancong yang telah bekerja merupakan kumpulan profesional seperti guru, doktor, jurutera, akauntan, eksekutif, pegawai tadbir, pengurus dan pensyarah sebanyak 21.6% (108 orang) serta lain-lain pekerjaan seperti berniaga kumpulan teknikal serta kumpulan sokongan. Seterusnya pelancong dari sektor kerajaan adalah paling ramai iaitu 26.8% (134 orang) dan pelancong yang bekerja di sektor swasta sebanyak 14.2% (71 orang). Dapatan kajian ditunjukkan di Jadual 1 demografi pelancong domestik.

JADUAL 1. Demografi Pelancong Domestik

Komponen	Kategori	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	171	34.2
	Perempuan	329	65.8
Etnik	Melayu	443	88.6
	Cina	35	7.0
	India	22	4.4
Status perkahwinan	Bujang	344	68.8
	Berkahwin	143	28.6
	Janda/ Duda	13	2.6
Sektor Pekerjaan	Kerajaan	134	26.8
	Swasta	71	14.2
	Persendirian	25	5.0
	Tidak Bekerja	14	2.8
	Pelajar	256	51.2

#### TAHAP ROYALSCAPE DIRAJA MENGIKUT SEGMENT PELANCONG PELAJAR, BELIA DAN KELUARGA

Jadual 2 merupakan perbandingan *royalscape* Diraja mengikut segmen pelancong ke bandar Diraja Kuala Kangsar. *Royalscape* fizikal menunjukkan dua interpretasi segmen iaitu sederhana tinggi oleh keluarga dan belia, manakala tahap sederhana rendah adalah dari segmen pelajar. Min perbandingan menunjukkan pelajar sebanyak 2.71 manakala belia dan keluarga mencatatkan min sederhana tinggi iaitu 3.10 dan 3.16. Berdasarkan jumlah min yang diperoleh menunjukkan fizikal memainkan peranan penting dalam kunjungan pelancong kerana mencatatkan pada tahap sederhana tinggi. Berdasarkan *royalscape* estetika menunjukkan min tertinggi adalah di segmen belia iaitu 3.59, diikuti

oleh segmen keluarga sebanyak 3.43 manakala min pelajar sebanyak 3.22. Ketiga-tiga segmen pelancong ini berada di tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan mereka mempunyai kefahaman dan mengetahui konsep estetika yang cuba di sampaikan oleh Bandar Diraja Kuala Kangsar.

Seterusnya *royalscape* tapak warisan menunjukkan min tertinggi adalah daripada segmen belia iaitu 3.45 manakala segmen keluarga mencatatkan min sebanyak 3.40. Kedua-dua segmen ini menunjukkan interpretasi sederhana tinggi terhadap *royalscape* tapak warisan. Bagi segmen pelajar menunjukkan min sederhana rendah iaitu sebanyak 2.98. Oleh hal yang demikian, belia dan keluarga menunjukkan kunjungan ke tapak warisan yang tinggi. Mereka mempunyai imej-imej warisan sepanjang berkunjung ke destinasi-destinasi pewartaan. *Royalscape* budaya menunjukkan min adalah di tahap sederhana tinggi iaitu pelajar sebanyak 3.17, belia sebanyak 3.53 dan keluarga sebanyak 3.35. Namun demikian, segmen belia menunjukkan min tertinggi berbanding dua segmen lagi. Ini menunjukkan belia mempunyai penilaian budaya yang lebih berbanding keluarga dan pelajar.

Bagi *royalscape* interaksi sosial menunjukkan ketiga-tiga segmen berada di tahap sederhana tinggi. Min tertinggi adalah daripada segmen belia iaitu 3.43 manakala keluarga mencatatkan min sebanyak 3.33. Bagi segmen pelajar pula menunjukkan min sebanyak 3.03. Kesemua segmen menunjukkan toleransi dengan komuniti dan masyarakat di Kuala Kangsar adalah baik. *Royalscape* pendidikan menunjukkan interpretasi sederhana tinggi dan sederhana rendah. Segmen belia dan keluarga menunjukkan tahap sederhana tinggi iaitu 3.32 dan 3.33. Manakala bagi segmen pelajar pula menunjukkan tahap sederhana rendah iaitu 2.98. Bandar Diraja Kuala Kangsar dilihat kurang menerapkan elemen pendidikan Diraja dan hanya sebagai simbol pendidikan sahaja. Walaupun MCKK telah diwartakan, namun elemen pendidikan tidak ditonjolkan secara menyeluruh di Bandar Diraja Kuala Kangsar. Seterusnya, interpretasi *royalscape* hiburan menunjukkan sederhana tinggi bagi ketiga-tiga segmen. Min tertinggi adalah segmen belia iaitu 3.43, diikuti keluarga sebanyak 3.39 dan min rendah adalah pelajar iaitu 3.19. *Royalscape* hiburan dikenal pasti sebagai salah satu daya tarikan kepada pelancong untuk mengunjungi kawasan-kawasan wajib kunjung sepanjang berada di Kuala Kangsar.

JADUAL 2. Tahap *royalscape* mengikut segmen pelancong

<i>Royalscape</i>	Segmen Pelancong	Min	Tahap
Fizikal	Pelajar	2.7115	Sederhana Rendah
	Belia	3.1046	Sederhana Tinggi
	Keluarga	3.1656	Sederhana Tinggi
Estetika	Pelajar	3.2212	Sederhana Tinggi
	Belia	3.5983	Sederhana Tinggi
	Keluarga	3.4331	Sederhana Tinggi
Tapak warisan	Pelajar	2.9808	Sederhana Tinggi
	Belia	3.4561	Sederhana Tinggi
	Keluarga	3.4013	Sederhana Tinggi
Budaya	Pelajar	3.1731	Sederhana Tinggi
	Belia	3.5314	Sederhana Tinggi
	Keluarga	3.3503	Sederhana Tinggi
Interaksi sosial	Pelajar	3.0385	Sederhana Tinggi
	Belia	3.4310	Sederhana Tinggi
	Keluarga	3.3312	Sederhana Tinggi
Pendidikan	Pelajar	2.9808	Sederhana Rendah
	Belia	3.3264	Sederhana Tinggi
	Keluarga	3.3312	Sederhana Tinggi
Hiburan	Pelajar	3.1923	Sederhana Tinggi
	Belia	3.4351	Sederhana Tinggi
	Keluarga	3.3949	Sederhana Tinggi

PERBANDINGAN ROYALScape DIRAJA  
TERHADAP SEGMENT PELANCONG PELAJAR,  
BELIA DAN KELUARGA

Secara keseluruhan di Jadual 3 mendapati *royalscape* fizikal mempunyai perbezaan yang signifikan. Segment pelancong yang tinggi adalah keluarga (min=30.16, sp=0.80) manakala rendah adalah pelajar (min=2.71, sp=0.99) dan perbezaan adalah signifikan dengan  $F=11.151$ ,  $p=0.000$  ( $p<0.001$ ). Oleh itu, didapati bahawa pelajar berbeza dengan belia secara signifikan. Pelajar juga berbeza dengan keluarga. Ini menunjukkan perbezaan yang signifikan di mana pelajar lebih rendah berbanding keluarga dan belia. Namun demikian, belia dan keluarga tidak berbeza di dalam *royalscape* fizikal secara signifikan ( $\text{sig}=0.765$ ,  $p>0.05$ ). Tetapi, secara keseluruhannya, terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesemua segment pelancong kecuali belia dan keluarga sahaja. Bagi *royalscape* estetika menunjukkan perbezaan signifikan. Segment pelancong yang tinggi adalah belia (min=3.59, sp=0.61) manakala paling rendah adalah pelajar (min=3.22, sp=0.92) dan perbezaan ini signifikan dengan  $F=10.123$ ,  $p=0.000$  ( $p<0.001$ ). Oleh itu, didapati pelajar berbeza dengan belia secara signifikan. Namun begitu, didapati juga pelajar dan keluarga tidak berbeza iaitu  $\text{sig}=0.69$ ,  $p>0.05$ . Begitu juga keluarga dan belia tidak berbeza secara signifikan iaitu  $\text{sig}=0.85$ ,  $p>0.05$ . Oleh itu secara keseluruhan mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar dan belia kecuali pelajar dan keluarga serta keluarga dan belia.

Seterusnya, didapati untuk *royalscape* tapak warisan menunjukkan perbezaan secara signifikan. Segment pelancong yang tinggi adalah belia (min=3.45, sp=0.70) manakala paling rendah adalah pelajar (min=2.98, sp=1.03) dan perbezaan ini adalah signifikan dengan  $F=13.769$ ,  $p=0.000$  ( $p<0.01$ ). Hasil mendapati bahawa pelajar dan belia berbeza secara signifikan. Begitu juga perbezaan signifikan antara pelajar dan keluarga. Namun demikian, terdapat perbezaan yang tidak signifikan antara belia dan keluarga iaitu  $\text{sig}=0.79$ ,  $p>0.05$ . Secara keseluruhan, terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesemua segment pelancong kecuali belia dan keluarga.

Bagi *royalscape* budaya didapati perbezaan yang signifikan. Segment pelancong yang tinggi adalah belia (min=3.53, sp=0.72) manakala paling rendah adalah pelajar (min=3.17, sp=1.02) dan perbezaan ini adalah signifikan dengan  $F=7.210$ ,  $\text{sig}=0.001$  ( $p<0.01$ ). Hasil mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar dan belia. Namun demikian, pelajar dan keluarga tidak berbeza secara signifikan iaitu  $\text{sig}=0.239$ ,  $p>0.05$ . Begitu juga tidak berbeza antara belia dan keluarga secara signifikan iaitu  $\text{sig}=0.104$ ,  $p>0.05$ . Oleh itu, secara keseluruhan mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar dan belia kecuali pelajar dan keluarga serta belia dan keluarga.

Di *royalscape* interaksi sosial mendapati memang berbeza secara signifikan. Segment pelancong yang tinggi adalah belia (min=3.43, sp=0.70) manakala yang paling rendah adalah pelajar (min=3.03, sp=1.02) dan perbezaan adalah signifikan dengan  $F=7.457$ ,  $\text{sig}=0.000$  ( $p<0.01$ ). Hasil mendapati bahawa pelajar dan belia berbeza secara signifikan. Begitu juga perbezaan signifikan antara pelajar dan keluarga. Namun demikian, terdapat perbezaan yang tidak signifikan antara belia dan keluarga iaitu  $\text{sig}=0.491$ ,  $p>0.05$ . Secara keseluruhannya terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesemua segment pelancong kecuali belia dan keluarga.

Bagi perbezaan pada *royalscape* pendidikan menunjukkan perbezaan yang signifikan. Segment pelancong yang paling tinggi adalah belia (min=3.43, sp=0.90) manakala yang paling rendah adalah pelajar (min=2.98, sp=1.03) dan perbezaan adalah signifikan dengan  $F=6.844$ ,  $\text{sig}=0.001$  ( $p<0.01$ ). Hasil mendapati bahawa pelajar dan belia berbeza secara signifikan. Begitu juga perbezaan signifikan antara pelajar dan keluarga. Namun demikian, terdapat perbezaan yang tidak signifikan antara belia dan keluarga iaitu  $\text{sig}=0.998$ ,  $p>0.05$ . Oleh itu, secara keseluruhannya terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesemua segment pelancong kecuali belia dan keluarga. Terakhir merupakan *royalscape* hiburan yang didapati tidak berbeza secara signifikan dengan nilai  $F=2.660$ ,  $\text{sig}=0.071$  ( $p>0.05$ ). Kesemua segment menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan iaitu signifikan di antara 0.079 hingga 0.911 ( $p>0.05$ ).

JADUAL 3. Perbezaan royalscape berdasarkan segmen pelancong

Royalscape	Segmen Pelancong	(J) Segmen Pelancong	Perbezaan Min (I-J)	Ralat Piawai	Sig.
Perbandingan royalscape fizikal terhadap segmen pelancong					
Fizikal	Pelajar	Belia	-.39306*	.09535	.000
		Keluarga	-.45407*	.10262	.000
	Belia	Pelajar	.39306*	.09535	.000
		Keluarga	-.06100	.08338	.765
	Keluarga	Pelajar	.45407*	.10262	.000
		Belia	.06100	.08338	.765
Perbandingan royalscape estetika terhadap segmen pelancong					
Estetika	Pelajar	Belia	-.37717*	.08495	.000
		Keluarga	-.21197	.09143	.069
	Belia	Pelajar	.37717*	.08495	.000
		Keluarga	.16521	.07429	.085
	Keluarga	Pelajar	.21197	.09143	.069
		Belia	-.16521	.07429	.085
Perbandingan royalscape tapak warisan terhadap segmen pelancong					
Tapak Warisan	Pelajar	Belia	-.47530*	.09292	.000
		Keluarga	-.42050*	.10001	.000
	Belia	Pelajar	.47530*	.09292	.000
		Keluarga	.05479	.08126	.797
	Keluarga	Pelajar	.42050*	.10001	.000
		Belia	-.05479	.08126	.797
Perbandingan royalscape budaya terhadap segmen pelancong					
Budaya	Pelajar	Belia	-.35830*	.09718	.001
		Keluarga	-.17724	.10459	.239
	Belia	Pelajar	.35830*	.09718	.001
		Keluarga	.18106	.08499	.104
	Keluarga	Pelajar	.17724	.10459	.239
		Belia	-.18106	.08499	.104
Perbandingan royalscape interaksi sosial terhadap segmen pelancong					
Interaksi Sosial	Pelajar	Belia	-.39250*	.09561	.000
		Keluarga	-.29275*	.10290	.018
	Belia	Pelajar	.39250*	.09561	.000
		Keluarga	.09975	.08361	.491
	Keluarga	Pelajar	.29275*	.10290	.018
		Belia	-.09975	.08361	.491
Perbandingan royalscape pendidikan terhadap segmen pelancong					
Pendidikan	Pelajar	Belia	-.34559*	.10016	.003
		Keluarga	-.35044*	.10780	.005
	Belia	Pelajar	.34559*	.10016	.003
		Keluarga	-.00485	.08759	.998
	Keluarga	Pelajar	.35044*	.10780	.005
		Belia	.00485	.08759	.998

bersambung...



...sambungan

Perbandingan royalscape hiburan terhadap segmen pelancong					
Hiburan	Pelajar	Belia	-.24284	.10675	.076
		Keluarga	-.20260	.11489	.212
	Belia	Pelajar	.24284	.10675	.076
		Keluarga	.04024	.09335	.911
	Keluarga	Pelajar	.20260	.11489	.212
		Belia	-.04024	.09335	.911

*Royalscape* fizikal di dalam kajian ini terbahagi kepada landskap bandar Diraja, Bangunan bersejarah bandar Diraja, Istana dan Masjid bandar Diraja dan bangunan perkhidmatan di bandar Diraja Kuala Kangsar. Pelancong domestik menjadikan kunjungan wajib ke taman rekreasi yang terdapat di bandar Diraja Kuala Kangsar. Ini kerana mereka gemar melihat landskap bandar Diraja yang berbeza dengan landskap bandar yang lain. Kunjungan mereka ke bangunan bersejarah bandar Diraja adalah untuk melihat reka bentuk asli dengan corak-corak ringkas berdasarkan ciri-ciri warisan dan kebudayaan zaman kesultanan terdahulu. Sewaktu pelancong berkunjung ke istana dan masjid-masjid yang ada, mereka lebih gemar melihat seni bina unik dan cantik. Mereka mengetahui bahawa masjid yang dikunjungi berbentuk sebilah pedang serta reka bentuk menyerupai 'kuih lapis'. Kawasan tapak pelancongan menekankan konsep tempat lawatan yang kondusif untuk semua peringkat umur dan mesra pengguna apabila mereka menggunakan perkhidmatan yang terdapat di Bandar Diraja Kuala Kangsar.

Menerusi *royalscape* estetika menunjukkan pelancong domestik mengaitkan imej simbolik seperti tugu, masjid dan landskap serta lain-lain mempunyai nilai estetika yang tinggi. Oleh itu, pelancong tidak melepaskan peluang untuk melihat sendiri imej perlambangan Kuala Kangsar seperti labu sayung, mercu tanda bandar Diraja Kuala Kangsar dan lain-lain imej perlambangan yang disediakan. Sepanjang pelancong domestik berada di Masjid Ubudiah Bukit Chandan & Masjid Ihsaniah Iskandariah, mereka memberi penekanan terhadap fasiliti dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di dalam dan di luar masjid. Ini kerana Masjid Ubudiah dikenali sebagai masjid utama dan menjadi kebanggaan Kuala Kangsar. Oleh itu, penyediaan fasiliti dan kemudahan-kemudahan lain menjadi pilihan kunjungan pelancong. Di samping itu, pelancong beranggapan masjid adalah menarik dan mendamaikan. Mereka berasa selamat berada di dalam masjid kerana bersih dan terjaga rapi.

Tambahan pula, masjid Ubudiah berada di kedudukan yang strategik iaitu berada di tengah

pusat Bandaraya. Kunjungan pelancong ke Istana Kenangan Bukit Chandan menunjukkan pelancong berkunjung untuk melihat reka bentuk asli warisan yang masih dikekalkan. Ciri-ciri unik yang terdapat di Istana Kenangan mempunyai elemen-elemen Diraja yang tidak dapat dilihat di mana-mana. Landskap menarik dan cantik di makam-makam pahlawan Diraja menjadikan tarikan utama.

Di samping itu, Jambatan Kereta api Victoria mempunyai laluan mudah untuk sampai, stabil, selamat dan ia merupakan pusat rekreasi yang sesuai dikunjungi bagi tujuan riadah. Tapak warisan Bangunan Big School Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dikunjungi kerana landskap yang cantik dan unik. Tambahan pula MCKK merupakan bangunan lama yang dibina pada tahun 1913 serta merupakan monumen unik yang wajar dikunjungi oleh pelancong. Menerusi *royalscape* budaya menunjukkan pelancong mempunyai nilai budaya yang tinggi kerana bersatu hati dan memahami kepelbagaian kaum yang terdapat di bandar Diraja Kuala Kangsar serta saling hormat menghormati kepelbagaian budaya ini. Bagi *royalscape* interaksi sosial merupakan interaksi antara pelancong domestik dan masyarakat setempat di sekitar bandar Diraja Kuala Kangsar. Hasil menunjukkan pelancong menyambut baik amalan agama setiap masyarakat.

Seterusnya, *royalscape* pendidikan dilihat kurang menjadi fokus utama pelancong domestik. Namun demikian, mereka masih lagi memperoleh maklumat dan informasi yang disediakan bagi tujuan pendidikan. Walaupun mereka tidak menjadikan pendidikan matlamat utama pelancongan, namun mereka turut memberi kerjasama dalam menyokong aktiviti pendidikan yang dianjurkan sewaktu kunjungan walaupun secara pasif. Terakhir adalah *royalscape* hiburan menjadi fokus utama pelancong domestik. Antaranya adalah dengan melakukan aktiviti persendirian, aktiviti berkumpul mahupun secara berkeluarga seperti memancing, merakamkan kenangan dan juga membeli pelbagai jenis barangan hasil tangan seperti labu sayung, tilam, songket dan barangan tembaga.

JADUAL 4. Perbandingan mengikut *royalscape* dan segmen

(I) Responden		(J) Responden	Perbandingan Mengikut <i>Royalscape</i>
<i>Royalscape</i> Fizikal			
Pelajar	→	Belia	Terdapat perbezaan signifikan
Pelajar	→	Keluarga	Terdapat perbezaan signifikan
<i>Royalscape</i> Estetika			
Pelajar	→	Belia	Terdapat perbezaan signifikan
Pelajar	X	Keluarga	Tidak terdapat perbezaan signifikan
<i>Royalscape</i> Tapak Warisan			
Pelajar	→	Belia	Terdapat perbezaan signifikan
Pelajar	→	Keluarga	Terdapat perbezaan signifikan
<i>Royalscape</i> Budaya			
Pelajar	→	Belia	Terdapat perbezaan signifikan
Pelajar	X	Keluarga	Tidak terdapat perbezaan signifikan
<i>Royalscape</i> Interaksi Sosial			
Pelajar	→	Belia	Terdapat perbezaan signifikan
Pelajar	→	Keluarga	Terdapat perbezaan signifikan
<i>Royalscape</i> Pendidikan			
Pelajar	→	Belia	Terdapat perbezaan signifikan
Pelajar	→	Keluarga	Terdapat perbezaan signifikan
<i>Royalscape</i> Hiburan			
Pelajar	X	Belia	Tidak terdapat perbezaan signifikan
Pelajar	X	Keluarga	Tidak terdapat perbezaan signifikan

→ - Terdapat perbezaan signifikan

X - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan

Jadual 4 menunjukkan perbandingan *royalscape* mengikut segmen pelancong. Pelajar menunjukkan penyertaan tinggi terhadap *royalscape* fizikal. Kunjungan pelajar ke landskap bandar Diraja adalah untuk berada di taman rekreasi yang mempunyai lingkaran hijau. Landskap ini mempunyai keseragaman pada setiap pokok yang digunakan menyebabkan mereka menghabiskan masa di taman rekreasi. Pelajar juga mengunjungi bangunan-bangunan bersejarah kerana perhiasan bangunan yang menarik dan mempunyai imej perlambangan dan menjadikan tarikan kuat untuk mereka mengunjungi bangunan bersejarah. Belia lebih cenderung untuk mengunjungi bangunan bersejarah untuk melihat sendiri reka bentuk asli yang dibina dari zaman kesultanan dahulu. Hasil ini selari dengan kajian Albrechts dan Balducci (2013) yang mengatakan kecenderungan pelancong kerana rekaan asli bangunan bersejarah. Oleh itu, kunjungan lebih memberi fokus kepada ciri-ciri unik pada bangunan tersebut.

Kunjungan paling tinggi terhadap Istana dan masjid bandar Diraja Kuala Kangsar adalah daripada kunjungan pelancong belia. Ini kerana belia mempunyai kemahuan tinggi untuk melihat

sendiri keunikan dan kesenian binaan unik Istana Kenangan Bukit Chandan dan juga Masjid Ubudiah. Bangunan perkhidmatan di bandar Diraja Kuala Kangsar menjadi salah satu faktor yang dinilai oleh pelancong belia sebelum memulakan kunjungan ke bandar Diraja. Ini adalah termasuk melihat kemudahan-kemudahan awam yang selamat dan mesra pengguna seperti dalam kajian Butler (2017) mendapati bangunan dan kemudahan awam yang berada dalam keadaan mesra pengguna merupakan elemen penting di bandar pelancongan.

Pelancong keluarga memberi fokus kepada kunjungan ke Istana Kenangan Bukit Chandan dan Masjid Ubudiah. Mereka lebih cenderung untuk melihat seni bina Masjid Ubudiah yang diinspirasi dengan reka bentuk 'kuih lapis'. Kunjungan mereka ke Kuala Kangsar menekankan aspek perkhidmatan hotel dan kemudahan penginapan yang selamat dan sistematik. Seterusnya, menerusi *royalscape* estetika menjelaskan pelajar melihat mercu tanda pintu masuk ke bandar Diraja Kuala Kangsar sebagai satu simbolik utama bandar Diraja. Ia merupakan satu perlambangan bahawa destinasi tersebut adalah destinasi pelancongan bandar Diraja. Fokus nilai estetika bagi pelajar adalah berdasarkan bangunan

tinggalan sejarah, Istana Kenangan sebagai perlambangan sejarah Diraja. Pelancong belia melihat nilai estetika dari konsep kebendaan iaitu bentuk atau objek sebagai perlambangan tradisional kesultanan. Antara mercu tanda bandar Diraja adalah dengan adanya Jet Fighter, pavilion Tower Kuala Kangsar, Pekan Kuala Kangsar dan Sungai Perak. Seterusnya diserikan lagi dengan imej simbolik lain seperti tugu Kuala Kangsar serta landskap-landskap di kiri kanan laluan utama bandar Diraja Kuala Kangsar. Pelancong belia menjelaskan bahawa tapak warisan budaya yang lain hanyalah sebagai daya penarik kunjungan pelancong. Oleh demikian, pelancong belia lebih gemar memberi penekanan kepada memorial lama serta pemeliharaan semula bangunan lama yang memberi lambang estetika di bandar Diraja Kuala Kangsar. Manakala, pelancong keluarga tidak memberi penekanan kepada *royalscape* estetika. Dapatan kajian ini disokong dengan kajian Staiff dan Bushell (2013) mengatakan penekanan memorial tapak warisan merupakan imej dan salah satu identiti bandar Diraja dalam konteks estetika.

Berdasarkan *royalscape* tapak warisan menunjukkan pelajar yang hadir ke Istana Kenangan Bukit Chandan lebih gemar melihat ciri-ciri unik Istana. Belia pula memfokuskan kepada kunjungan ke Masjid Ubudiah Chandan dan Masjid Ihsaniah Iskandariah kerana faktor kebersihan, kedudukan strategik dan terdapat fasiliti lengkap. Hasil kajian ini selari dengan dapatan Othman (2014) mengatakan Masjid Ubudiah merupakan imej yang menjadi pilihan yang banyak digunakan dalam menjelaskan identiti sesebuah bandar Diraja. Rentetan itu, kesemua aspek pembangunan Masjid Ubudiah diberi penekanan khusus. Bagi belia, reka bentuk asli Istana Kenangan adalah fokus sewaktu berkunjung. Begitu juga dengan elemen-elemen Kesultanan di Istana Kenangan. Hasil dapatan ini disokong di dalam kajian Baxendale (2008) menjelaskan perasaan pelancong ke institusi beraja adalah kerana tarikan Diraja. Namun demikian, perasaan itu sedikit berbeza bergantung kepada jenis istana. Namun demikian, istana dan masjid sering dijadikan perlambangan dan kunjungan pelancong kerana ia merupakan imej pelancongan di destinasi tersebut.

Sewaktu kunjungan ke makam-makam Diraja, belia memerhati dengan lebih dekat lagi landskap unik, keaslian makam yang dikekalkan, petunjuk arah makam dan penerangan serta penjagaan makam-makam tersebut. Ini menunjukkan bahawa

belia mempunyai minat dan kesukaan yang tinggi dalam mengunjungi makam-makam Diraja. Seterusnya kunjungan ke Jambatan Kereta api Victoria menunjukkan belia akan mengenal pasti tahap keselamatan yang baik, stabil, selamat dan sesuai dijadikan destinasi pelancongan. Di samping itu landskap juga menjadi tarikan utama. Kunjungan ke MCKK juga menunjukkan kunjungan tinggi daripada belia kerana pengekalan monumen-monumen sejarah pada tahun 1913 menarik minat belia berkunjung.

Bagi pelancong keluarga, sewaktu berada di kedua-dua masjid ini, mereka memerlukan keadaan yang selamat dan terkawal kerana mereka membawa anak kecil dan keselamatan adalah perkara utama yang difikirkan sewaktu berada di bandar Diraja Kuala Kangsar. Kunjungan keluarga ke Istana Kenangan pula lebih memberi fokus kepada penjagaan dan struktur pemuliharaan Istana dari semasa ke semasa. Kunjungan keluarga ke Jambatan Kereta api Victoria pula memberi penekanan kepada laluan arah tuju mudah sampai ke destinasi. Hal ini kerana mereka mempunyai kumpulan pelancong yang lebih banyak berbanding yang lain. *Royalscape* keempat iaitu *royalscape* budaya menunjukkan pelajar tidak memberikan penekanan kepada *royalscape* ini. Berbanding dengan belia yang melihat nilai sentimental yang tinggi terhadap barangan peribadi koleksi Sultan menjadikan belia mempunyai keinginan untuk melihat sendiri. Belia juga merasakan masyarakat setempat Kuala Kangsar masih mengekalkan adat resam seperti kelahiran, perkahwinan serta masih mengekalkan cara berpakaian seperti kain songket dan batik. Hal ini berbeza dengan segmen keluarga yang lebih memberi perhatian di dalam kunjungan tersebut adalah dengan melihat nazam, marhaban dan lain-lain budaya kesenian. Dapatan ini selari dengan kajian daripada Berliner (2012) menjelaskan produk budaya mempunyai kekuatan yang khusus dna sebagai salah satu bentuk produk pelancongan Diraja dan boleh diserlahkan lagi.

Seterusnya, *royalscape* kelima iaitu *royalscape* interaksi sosial menunjukkan segmen pelajar kurang melakukan interaksi sosial sepanjang berada di bandar Diraja Kuala Kangsar. Interaksi sosial lebih dimonopoli oleh pelancong belia dari semua aspek seperti keseronokan sepanjang berkunjung, membuat kenalan baharu, berkunjung ke kedai-kedai serbaneka dan lain-lain. Segmen keluarga menunjukkan kurang melakukan interaksi sosial sepanjang berada di bandar Diraja Kuala Kangsar.

Hal ini demikian kerana kunjungan bersama keluarga lebih memberi fokus kepada keluarga. Bagi *royalscape* pendidikan pula menunjukkan kunjungan pelajar ke bandar Diraja Kuala Kangsar hanya sebahagiannya sahaja berasaskan pendidikan kerana min keseluruhan adalah sederhana tinggi. Pelajar menerima maklumat informasi yang diberikan sepanjang kunjungan. Kunjungan belia ke Bandar Diraja adalah berdasarkan informasi yang diperoleh sebelum, sewaktu dan selepas kunjungan. Kefahaman dan pengetahuan yang diperoleh datangnya daripada kunjungan ke tapak warisan dan destinasi lain sepanjang berada di Kuala Kangsar. Sebelum memulakan kunjungan, keluarga terlebih dahulu mengetahui serba sedikit rancangan pelancongan yang terdapat di bandar Diraja Kuala Kangsar. Terakhir, *royalscape* hiburan adalah keutamaan bagi pelajar dan belia. Mereka telah mengunjungi banyak destinasi hiburan kerana kunjungan tersebut memberikan mereka kefahaman secara langsung. Mereka melakukan pelbagai aktiviti persendirian, aktiviti berkumpul untuk memenuhi keperluan kunjungan sepanjang berada di Kuala Kangsar. Mereka mengambil peluang untuk membeli belah pelbagai jenis barangan hasil tangan yang dijual. Manakala hiburan bagi keluarga adalah dengan membeli cenderamata yang dijual.

### KESIMPULAN

Pelancongan di bandar Diraja Kuala Kangsar menunjukkan paten dan dominasi dalam kalangan pelancong belia. Setiap *royalscape* Diraja yang menjadi asas perwakilan dalam pelancongan ini dikenal pasti mempunyai peranan dan pemberat dalam memastikan kunjungan pelancong menepati kehendak pelancong. Secara relatifnya, kunjungan di dominasi oleh pelancong belia, diikuti pelajar dan terakhir adalah keluarga dengan tahap yang berbeza antara semua segmen pelancong. Ini jelas menunjukkan setiap *royalscape* Diraja menawarkan satu bentuk pelancongan bersifat estetika, unik, bersejarah dan mempunyai elemen-elemen Diraja yang menjadi tatapan pelancong sepanjang melakukan perjalanan sepanjang berkunjung ke Kuala Kangsar.

Setiap perbandingan *royalscape* yang dikaji menunjukkan bahawa terdapat satu daya tarikan kepada pelancong untuk melawat ke sesebuah destinasi kunjungan di Kuala Kangsar. Hal ini dibuktikan dengan peningkatan kunjungan pelancong di destinasi tinggalan bersejarah yang menawarkan

pengalaman yang asli dan autentik. Oleh hal yang demikian, keperluan dalam menyediakan destinasi yang menepati kehendak dan pengalaman pelancong perlu dikenal pasti dengan lebih mendalam lagi bagi memastikan pelancongan bandar Diraja semakin mendapat tempat dalam kalangan pelancong tidak kira domestik mahupun antarabangsa.

### RUJUKAN

- Abankina, T. 2013. Regional development models using cultural heritage resources. *International Journal of Culture, Tourism and Hospitality Research* 7(1) 1-17.
- Adam, R. 2016. *Pemerintahan Beraja di Alam Melayu Merentas Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adie, B.A., Falk, M. & Savioli, M. 2019. Over tourism as a perceived threat to cultural heritage in Europe. *Current Issues in Tourism*: 1-5.
- Ahmad, A.R., Saleha, A., Jelas, Z.M. & Seman, A.A. 2010. Kepelbagaian pelajar dan sekolah: Satu kajian kes di negeri Pahang. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2): 87-95.
- Azman, N.A.N.M.N., Rahman, N.H.A., Sawari, S.S.M., Abas, S.A., Latif, S.A.A. 2021. The tourists' spatial behavior and tourist movement pattern in Muar Johor. *Journal of the Malaysian Institute of Planners* 19(2): 275-286.
- Badaruddin Mohamed. 2005. The analysis of Malaysian domestic travelers. *Proceeding of the International Conference on Tourism Development*. 373-381.
- Bengston, V. 2001. The burgess award lecture: beyond the nuclear family: The increasing important of multigenerational bonds. *Journal of Marriage and Family* 63 (1): 1-16.
- Butler, R. 2017. The tourist experience: can destinations maintain authenticity? *Worldwide Hospitality and Tourism Themes* 9 (6): 617-629.
- Boyd, S. 2002. Cultural and heritage tourism in Canada: opportunities, principles and challenges. *Tourism and Hospitality Research* 3(3): 211-233.
- Crowther, P. 2011. Marketing event outcomes: From tactical to strategic. *International Journal of Event and Festival Management* 2(1): 68-82.
- Daengbuppha, J., Hemmington, N. & Wilkes, K. 2006. Using grounded theory to model visitor experiences at heritage sites: Methodological and practical issues. *Qualitative Market Research: An International Journal* 9(4): 367-388.
- Dishan, R. O., Azri, Z. & Abidin, Z. 2010. The Islamic traditional towns, learning through the attributes special emphasis on Johor Bharu, Malaysia. 1<sup>st</sup> International Conference for urban & Architecture heritage in Islamic countries: It's role in cultural and economic development, 23- 28 May 2010 organized by The Saudi Commission for tourism and antiquities in cooperation with Research Center for Islamic History, Art and Culture (IRCICA).

- Dumbrovska, T. & Fialova, D. 2016. Tourist precincts and touristification in Prague: The royal routes case study. *Studia Turistica* 7(1): 6-17.
- Gowreesunkar, V.G.B. & Sotiriadis, M. 2015. Entertainment of leisure tourists in island destination evidence from the island of Mauritius. *African Journal of Hospitality Tourism and Leisure* 5(1): 1-20.
- Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh & Noor Alyani Noor Azizi. 2012. Sustainability of youth tourist in event tourism: The Malaysia experiences. *Tourismos: An International Multidisciplinary Journal of Tourism* 7(2): 503-526.
- Hsu, C.H.C. & Huang, S.S. 2015. Reconfiguring Chinese cultural values and their tourism implications. *Tourism Management* 54: 230-242.
- Jabatan Warisan Negara. 2010. Arkib Berita 2020. <http://www.heritage.gov.my/> [16 November 2020].
- Jennings, G., Kensbock, S. & Kachel, U. 2010. Enhancing education 'about and for sustainability' in a tourism studies enterprise management course: an action research approach. *Journal of Teaching in Travel & Tourism* 10(2): 163-191.
- Jokilehto, J. 2011. World heritage: observations on decisions related to culture heritage. *Journal of Cultural Heritage Management and Sustainable Development* 1(1): 61-74.
- Latham, J. & Edwards, C. 2003. The statistical measurement of tourism. *Classic Review in Tourism*: 55-76
- Mair, J. & Whitford, M. 2013. An exploration of events research: event topics, themes and emerging trends. *International Journal of Event and Festival Management* 4 (1): 6-30.
- McDonald, H. 2010. Understanding the antecedent to public interest and engagement with heritage. *European Journal of Marketing* 45(5): 780-804.
- Mitsche, N., Vogt, F., Knox, D. Cooper, I., Lombardi, P. & Ciaffi, D. 2013. Intangibles: enhancing access to cities cultural heritage through interpretation. *International Journal of Culture, Tourism and Hospitality Research* 7(1): 68-77.
- Muler G.V., Coromina, L. & Gali, N. 2018. Overtourism: residents' perceptions of tourism impact as an indicator of resident social carrying capacity-case study of a Spanish heritage town. *Tourism Review* 73(3): 277-296.
- Obrador, P. 2012. The place of family in tourism research: Domesticity and thick sociality by the pool. *Annals of Tourism Research* 39(1): 401-420.
- Poria, Y., Reichel, A. & Brian, A. 2006. Heritage site management motivations and expectations. *Annals of Tourism Research* 33(1): 162-178.
- Prentice, R. & Cunnell, D. 1998. Response to interpretative media a basis of multi variate market segmentation for museums and heritage centres: The case example of the people's story, Edinburgh. *Museum Management and Curatorship* 16(3): 233-256.
- Rasoolimanesh, S.M., Taheri, B. & Gannom, M. 2019. Does living in the vicinity of heritage tourism sites influence residents' perceptions and attitudes? *Journal of Sustainable Tourism* 27(9): 1295-1317.
- Russo, A.P. 2002. The "vicious circle" of tourism development in heritage cities. *Annals of Tourism Research* 29(1): 165-182.
- Samsudin, N. A., Rosley, M.S.F., Shahminan, R. N.R. & Mohamad, S. 2018. Preserving the characteristics of urban heritage: An insight into the concept of Malaysian Royal Towns. *International Conference on Quality of Life at Pulau Perhentian Resort*. 3-4 March 2018.
- Schanzel, H.A. & Smith, K.A. 2014. The socialization of families away from home: Group dynamics and family functioning on holiday. *Leisure Sciences* 36(2): 126-142.
- Sirisrisak, T. 2015. Reconsidering the interpretation of WWII shared-heritage in Thailand. *Journal of Cultural Heritage Management and Sustainable Development* 5(1): 3042.
- Wan Anor, W. S & Risalshah, L. 2014. Kaunseling keluarga: Isu dan cabaran. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014*. Page 1-6. Universiti Malaysia Sabah.
- Wang, C.L., Chen, Z.X., Chan, A.K. & Zheng, Z.C. 2000. The influence of hedonic values on consumer behaviors: an empirical investigation in China. *Journal of Global Marketing* 14 (1-2): 169-186.
- Zurina Ahmad Saidi  
Pelajar PhD Program Sains Pembangunan  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: zurinaahmadsaidi@gmail.com
- Dr. Zurinah Tahir (Corresponding author)  
Program Sains Pembangunan  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: zurinahtahir@ukm.edu.my
- Prof Madya Dr. Jalaluddin Abdul Malek  
Program Sains Pembangunan  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: jbam@ukm.edu.my
- Dr. Mohd. Yuszaidy Mohd. Yusoff  
Program Persuratan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: yuszaidy@ukm.edu.my